

SALAH FAHAM TERHADAP ISTILAH “MAKANAN SUNNAH” DALAM KALANGAN MASYARAKAT ISLAM DI MALAYSIA: SATU ANALISIS



**Khadher Ahmad,*¹ Mohd Yakub @ Zulkifli Mohd Yusoff,*
Monika @ Munirah Abd Razzak,* Siti Sarah Izhah* &
Mohd Farhan Md Ariffin***

Abstrak: Istilah “*makanan sunnah*” adalah istilah semasa yang kini mendapat perhatian dan diterima dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia. Lambakan produk kesihatan berasaskan kepada tema “*makanan sunnah*” serta sambutan jualan yang memberangsangkan menjadi bukti kepada penerimaan dan pemakaian istilah ini dalam masyarakat. Bahkan, disebabkan oleh penggunaan tema “*makanan sunnah*” itu sendiri telah menjadi “pelaris” kepada produk-produk tersebut. Persoalannya, adakah istilah “*makanan sunnah*” dan penggunaannya dalam kalangan masyarakat itu berbetulan dengan pemahaman yang sebenar terhadap konsep al-sunnah itu sendiri? Melalui pendekatan analisis induktif dan deduktif, artikel ini bertujuan untuk meneliti bentuk-bentuk salah faham terhadap penggunaan istilah “*makanan sunnah*” dan penerimaannya dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia. Kaedah persampelan rawak mudah (*random sampling*) digunakan bagi pengumpulan data berasaskan kepada temubual dan pemerhatian. Hasil penelitian mendapati bahawa istilah “*makanan sunnah*” digunakan secara meluas dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia berasaskan kepada pemahaman masyarakat bahawa “*makanan sunnah*” adalah makanan terbaik, makanan yang memenuhi kriteria penjagaan kesihatan tubuh badan, makanan yang bersifat wahyu (berasaskan kepada nas al-Qur’an dan hadith), dan makanan yang pernah diambil oleh Nabi SAW. Pada masa yang sama penggunaan istilah ini sering digunakan oleh para pengeluar produk kesihatan termasuk produk berasaskan kopi, jus (minuman kesihatan), ubatan dan sebagainya. Dengan itu, dicadangkan supaya dijana satu panduan khusus terhadap penggunaan istilah ini dalam kalangan masyarakat. Tujuannya adalah supaya istilah ini tidak disalahgunakan bagi tujuan komersial atau mencari keuntungan semata-mata. Sedangkan, sesuatu amalan sunnah itu sandaran utamanya adalah Nabi SAW, sebagai pembawa petunjuk dan bukan untuk dipergunakan sehingga tidak mencapai matlamat sunnah yang sebenar.

Kata kunci: *Makanan Sunnah*; Sunnah Nabi; Produk Kesihatan; Masyarakat Malaysia.

¹ * Penyelidik Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

PENGENALAN

Makanan memainkan peranan penring pada setiap hidupan. Ia bertindak sebagai keperluan yang tidak boleh diabaikan atau dipandang enteng oleh kerana kesihatan dan kekuatan tubuh badan bergantung sepenuhnya kepada makanan. Kegagalan mendapatkannya secara teratur bakal menatijahkan sesuatu hidupan terbantut atau mendapat risiko penyakit dan kematian.²

Apabila menyebutkan tentang “*makanan sunnah*”, pasti akan terbayang dalam fikiran beberapa jenis makanan sama ada daripada jenis buah-buahan, tumbuhan (herba) ataupun bahan makanan tertentu. Antaranya dari jenis buah-buahan seperti kurma, tamar, kismis, zaitun, buah tin dan delima. Manakala dari jenis tumbuhan (herba) seperti *habbah al-Sawda’ (black seeds)*, kapur barus, inai, *za’faran* dan sebagainya. Sedangkan dari jenis makanan pula adalah seperti roti, sup hirisan daging halus dan lain-lain lagi.

Justeru, adakah dengan menyebutkan dan mengambil makanan-makanan tersebut telah dikatakan memenuhi ciri-ciri pemakanan sunnah? Bagaimana pandangan ulama terhadap istilah ini dan bagaimana pula dari sudut penggunaannya dalam masyarakat? Norkumala Awang (2013) ada menimbulkan persoalan apakah dengan menggunakan produk-produk berasaskan *makanan sunnah* itu memberi impak maksimum kepada kesihatan atau sekadar kelegaan atas sandaran nama Nabi Muhammad SAW?³

Skop Dan Metodologi

Perbincangan mengaplikasikan metode perpustakaan (*library research*), temu bual dan pemerhatian rawak (*random observation*) dalam mendapatkan data. Metode temu bual dan pemerhatian rawak digunakan untuk mengumpulkan data dari sudut realiti pandangan terhadap pemakanan sunnah atau makanan sunnah dalam masyarakat setempat di Malaysia. Manakala dari sudut analisis data, metode kualitatif dan komparatif digunakan bahawa meneliti nas-nas (al-Qur’an dan al-Hadith) yang dapat diselaraskan bagi pemahaman yang tepat terhadap pemakanan sunnah dan dibandingkan pula dengan pemahaman masyarakat terhadap istilah tersebut dalam realiti pemakaiannya.

Artikel ini berusaha untuk membincangkan kriteria-kriteria yang boleh digunakan dalam mengukuhkan istilah “*makanan sunnah*” dari sudut penggunaan dalam kalangan masyarakat di Malaysia di samping rujukan terhadap pemahamannya melalui nas al-Qur’an dan al-Hadith. Gabungan penelitian dari sudut pemahaman teks dan realiti dalam masyarakat dapat membantu pemahaman yang sebenar terhadap istilah tersebut dan menghilangkan salah faham terhadapnya. Bahkan, artikel ini turut menyatakan pendirian dan pandangan dari sudut pengistilahan tersebut agar dapat difahami secara meluas dan tepat penggunaannya dalam kalangan masyarakat.

² Mohamed bin Jusoh, Prinsip Utama Makanan dan Minuman Dalam Islam, (Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri, 1986), 1.

³ Norkumala Awang, *Memecah Dimensi "Makanan Sunnah" Dan Realiti Hari Ini*, (Artikel diterbitkan dalam laman sesawang Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), pada 18 November 2013.

Pemahaman Berhubung “*Makanan Sunnah*” Berasaskan Sumber Al-Qur’an

Berdasarkan rujukan terhadap ayat-ayat al-Qur’an, istilah terhadap makanan dapat dirujuk kepada beberapa istilah iaitu daripada perkataan *al-ṭaʿām* (الطعام) yang merujuk kepada makanan dan *al-māʾidah* (المائدة) yang merujuk kepada hidangan. Lafaz *ṭaʿām* dan pecahannya disebutkan sebanyak 41 kali dalam al-Qur’an. Namun demikian, menurut pandangan Zulkifli M. Yusof, terdapat 24 kali sebutan berasaskan kepada istilah *ṭaʿām*.⁴

Zulkifli Mohd Yusof (2010) menyatakan bahawa kalimah *ṭaʿām* adalah nama bagi keseluruhan jenis makanan yang dimakan dan ada yang mengatakan dikhususkan kepada gandum. Dalam keadaan lain, dalam al-Qur’an (al-Baqarah (2): 249) turut menggunakan lafaz tersebut untuk merujuk kepada minuman. Walaupun demikian, secara keseluruhannya, kalimah ini membawa beberapa maksud iaitu:

[**Pertama**] Merujuk kepada makna satu jenis makanan iaitu *al-Mann* (roti) dan *al-Salwā* (madu/manisan) seperti yang disebutkan dalam ayat 61 surah al-Baqarah. Ibn Kathīr (2004) mengatakan bahawa orang-orang *Banī Isrāʾīl* mengatakan “*Taʿām Wahid*” iaitu *al-Mann wa al-Salwā* kerana mereka memakan kedua-dua jenis makanan tersebut secara bersama.⁵

[**Kedua**] Merujuk kepada semua jenis makanan seperti yang dinyatakan dalam ayat 93 surah Ali ‘Imran. Keseluruhnya makna ini dapat dibahagikan kepada tiga kategori utama iaitu; (1) Nabati (Tumbuhan), (2) Haywani (Binatang) dan Olahan (Makanan yang telah diproses).⁶

[**Ketiga**] Merujuk kepada pembahagian kepada dua keadaan iaitu makanan di dunia dengan makanan yang membawa maksud makanan akhirat. Maksud makanan akhirat merujuk kepada makanan yang diperuntukkan di dalam neraka seperti disebutkan dalam surah al-Dhukhān (44): 43-44, al-Ḥāqqah (69): 34, al-Ghāshiyah (88): 6, al-Muzammil (73): 13. Contohnya dalam surah al-Dhukhān (44): 43-44 yang bermaksud: “(Ingatlah), sesungguhnya pokok Zaqqūm. (buahnya) menjadi makanan bagi orang yang berdosa (dalam neraka)”.⁷

Dalam al-Qur’an, terdapat satu surah yang merujuk kepada makanan iaitu surah al-Māʾidah. Al-Māʾidah bermaksud meja makan yang dihidangkan dengan penuh makanan.⁸ Surah ini mengandungi beberapa keterangan yang menyebutkan tentang hidangan kurniaan Allah SWT atau disebutkan hidangan (makanan) dari langit. Kisah permintaan golongan *Hawāriyyūn* kepada Nabi ‘Īsā AS supaya berdoa kepada Allah agar menurunkan hidangan dari langit dengan tujuan agar mereka merasakan ketenangan hati, dapat mengambil keberkatan dan menguatkan keyakinan mereka kepada Allah SWT dan ajaran Nabi ‘Īsā AS. Lalu Nabi ‘Īsā AS berdoa kepada Allah

⁴ Zulkifli Mohd. Yusoff, *Kamus al-Qur’an* (Kuala Lumpur: PTS Islamika, 2009), 410.

⁵ Ibn Kathir, Abu al-Fida’ Isma’il bin ‘Umar bin Kathir al-Dimashqi, *Tafsir al-Qur’an al-‘Azim*, (ed.) Sami bin Muhammad Salamah, (Beirut: Dar Tayyibah li al-Nshr wa al-Tawzi’, 1999), 1: 88.

⁶ Zulkifli Mohd. Yusoff, *Kamus al-Qur’an* (Kuala Lumpur: PTS Islamika, 2009), 411.

⁷ Zulkifli Mohd. Yusoff, *Kamus al-Qur’an* (Kuala Lumpur: PTS Islamika, 2009), 412.

⁸ Zulkifli Mohd. Yusoff, *Kamus al-Qur’an* (Kuala Lumpur: PTS Islamika, 2009), 513.

SWT supaya menurunkan hidangan tersebut.⁹ Walaupun demikian, al-Qur’an tidak menyebutkan jenis makanan yang disebut dalam hidangan tersebut.

Manakala dalam keadaan yang lain, makanan turut diertikan dengan istilah rezeki (*al-Rizq*) yang merujuk makanan yang diturunkan dari langit. Hal ini dapat dirujuk kepada kisah Maryam AS yang dipelihara oleh Nabi Zakaria AS, ketika mana beliau bermunajat di dalam mihrab. Setiap kali Nabi Zakaria AS masuk menemui Maryam AS dalam mihrab tersebut, baginda mendapati rezeki (dari jenis buah-buahan yang menjadi makanan) di sisi Maryam AS.¹⁰ Ibn Kathīr menukikan beberapa pandangan ulama menyatakan bahawa *al-Rizq* yang dimaksudkan dalam ayat tersebut adalah buah-buahan musim panas pada musim sejuk dan buah-buahan musim sejuk pada musim panas.¹¹

Berdasarkan keterangan daripada nas al-Qur’an, penyebutan tentang makanan dalam al-Qur’an menggunakan pelbagai ungkapan, adakalanya ia disebut secara umum dan adakalanya disebutkan secara khusus. Misalnya ketika menyebut makanan hasil dari tanaman dan makanan hasil dari binatang.¹² Bukan itu sahaja, al-Qur’an turut memperincikan secara lebih jelas misalnya disebut berkaitan jenis tanaman, al-Qur’an memperincikan dengan menyebutkan jenis-jenisnya seperti biji-bijian, buah-buahan dan sayur-sayuran. Ini dapat dilihat ketika al-Qur’an menyebut nama buah-buahan seperti delima, kurma, tin dan sebagainya.¹³ Begitu juga ketika al-Qur’an menyebut nama sayur-sayuran seperti halia, timun, labu dan sebagainya.¹⁴ Perbicaraan berkaitan makanan dalam al-Qur’an turut menyentuh keperluan pengambilan makanan yang halal lagi baik (*halālan tayyiba*) dan menjauhi makanan yang haram.¹⁵

Pemahaman Berhubung “Makanan Sunnah” Berasaskan Sumber Al-Hadith

Hadith-hadith Nabi SAW turut membicarakan mengenai makanan dan jenis-jenisnya. Istilah tentang makanan dan pemakanan adalah sangat luas. Jika diperhatikan kepada karya-karya hadith sedia ada, perbincangan tentang makanan diletakkan dalam satu tajuk besar yang mengandungi hadith-hadith dari pelbagai aspek berkaitan dengan makanan. Antaranya berkaitan dengan jenis makanan, adab ketika makan dan aspek halal dan haram. Perkara ini boleh dirujuk kepada *al-Kutub al-Sittah* yang keseluruhannya meletakkan dalam kitab (*abwāb al-Fiqh*) secara khusus berhubung makanan (dalam *Kitāb al-Aṭ‘imah*).

Berhubung aspek pemakanan Nabi SAW, dapat diperhatikan bahawa sebahagian makanan jelas dimakan atau diambil oleh Nabi SAW, dan sebahagian yang lain baginda SAW tidak pernah menyentuh atau memakannya melainkan ia hanya disebutkan dalam al-Qur’an atau *kalām* baginda SAW. Antaranya yang boleh disebutkan adalah Nabi SAW menyatakan bahawa antara makanan terbaik adalah

⁹ Surah al-Mā’idah (5): 112-115.

¹⁰ Surah Āli ‘Imrān (3): 37.

¹¹ Ibn Kathīr, Abū al-Fidā’ Ismā’īl bin ‘Umar bin Kathīr al-Dimashqi, *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Azīm*, (ed.) Sami bin Muhammad Salamah, (Beirut: Dār Ṭayyibah li al-Nashr wa al-Tawzī’, 1999), 2: 36.

¹² Surah al- Mā’idah (5): 96.

¹³ Misalnya boleh dirujuk pada surah al-Mu’minūn (23): 20.

¹⁴ Misalnya boleh dirujuk pada Surah al-Baqarah (2): 61.

¹⁵ Surah al-Mā’idah (5): 88; Surah al-Anfāl (8): 69.

ḥabbah al-Sawdā' yang boleh menjadi penawar bagi pelbagai jenis penyakit melainkan *al-Sām* (mati).¹⁶

Namun demikian, tidak terdapat secara jelas hadith yang menyatakan baginda SAW memakan atau mengambil bijian itu dalam pemakanan baginda SAW. Cuma diandaikan baginda SAW memakannya atas kapasiti baginda SAW telah menyebutkan mengenai kelebihannya. Bahkan, boleh jadi *ḥabbah al-Sawdā'* merupakan bahan makanan yang memang terdapat dalam hidangan kalangan bangsa Arab ketika itu. Demikian juga pada bahan makanan yang lain yang secara tidak jelas menunjukkan bahawa Nabi SAW mengambilnya seperti minyak zaitun, buah delima, dan buah tin.

Walau demikian, apa yang disebutkan merupakan satu andaian bahawa kemungkinan makanan yang disebutkan dalam al-Qur'an dan al-Hadith itu adalah makanan yang memang telah biasa dimakan dalam kalangan bangsa Arab atau menjadi makanan harian mereka. Kemungkinan juga makanan tersebut telah menjadi bahan makanan yang dicampur bersama dengan bahan makanan lain ketika memasak dan sebagainya. Jadi, tidak disebutkan bahawa Nabi SAW mengambilnya, tetapi sebenarnya bermaksud telah menjadi kebiasaan dalam pemakanan baginda SAW.

Jika dirujuk kepada hadith, antara bahan makanan yang perlu digunakan bagi membayar zakat fitrah adalah *al-Tamr* (kurma) dan *al-Sha'ir* atau *al-Burr* (gandum).¹⁷ Dalam riwayat yang lain terdapat tambahan bahan makanan lain yang boleh digunakan untuk membayar zakat fitrah iaitu keju dan anggur.¹⁸ Seperti sedia maklum, bahan yang digunakan bagi pembayaran zakat fitrah adalah merujuk kepada makanan ruji (asasi) sesuatu bangsa atau kaum. Imam al-Shāfi'ī mengatakan zakat fitrah mestilah daripada makanan asasi, bukan wang dan seharusnya dalam satu jenis yang tidak bercampur.¹⁹

Kesimpulannya, peribadi dan ajaran Rasūllullah SAW sebagai teladan terbaik dalam soal makanan, cara-cara pengambilan, diet yang seimbang sehinggalah kepada adab dan tatacara makan menjadi asas perbincangan dalam pengumpulan hadith-hadith berkaitan soal pemakanan. Walaubagaimanapun, menisbahkan makanan kepada sunnah Nabi SAW memang tidak wujud secara tekstual. Sandarannya lebih kepada apa sahaja bahan atau makanan yang disebutkan secara jelas di dalam al-Qur'an dan hadith Nabi SAW disebutkan sebagai "*makanan sunnah*."²⁰

¹⁶ Abu 'Abd Allah Muhammad bin Isma'il al-Bukhari al-Ja'fi, al-Bukhari, *al-Jami' al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar min Umur Rasulallah SAW wa Sunaninih wa Ayyamih (Sahih al-Bukhari)*, ditahqiqkan oleh Muhammad Zahir bin Nasir al-Nasir, (Mansurah, Mesir: Dar Tuq al-Najah, 1422H, 18, no. 5687.

¹⁷ Muslim bin al-Hajjāj Abū Husaīn al-Qusyairī al-Naisābūrī, *Ṣaḥīḥ Muslim*, ditahqiqkan oleh Ahmad Muḥammad Syākir, *Kitab al-Zakah, Bab Zakah al-Fitrah 'ala al-Muslimin min al-Tamr wa al-Sha'ir*, (Beirut: Dar Ihyā' al-Turāth al-'Arabī, 2014), no.1635, 1636, 1637, 1638 & 1639.

¹⁸ Muslim bin al-Hajjāj Abū Husaīn al-Qusyairī al-Naisābūrī, *Ṣaḥīḥ Muslim*, ditahqiqkan oleh Ahmad Muḥammad Syākir, (Beirut: Dar Ihyā' al-Turāth al-'Arabī, 2014), no.1640, 1641, 1642, 1643 & 1644.

¹⁹ Dimiyati, Abu Bakr Shata al- *Ḥanah al-Talibin 'ala Sharh Fath al-Mu'in* (Beirut: Dar al-Fikr, 1993), 2: 197.

²⁰ Al-Bukhari, Abu 'Abd Allah Muhammad bin Isma'il, *al-Jami' al-Sahih al-Mukhtasar*, (ed.) Dr. Mustaffa Diyab al-Bagha, (Beirut: Dar Ibn Kathir, al-Yamamah, 1987), 5: 2054; Abu Dawud Sulayman bin al-Asy'at al-Sajastani al-Azdi, *Sunan Abi Dawud*, (ed.) Muhammad Muhy al-Din Abd al-Hamid, (Beirut: Dar al-Kitab al-'Arabī, 2000), 3: 394; Al-Tirmidhi, Muhammad bin 'Isa Abu 'Isa al-Tirmidhi al-Sulami, *al-Jami' al-Sahih Sunan*

Kepelbagaian Pemahaman Masyarakat Umum Di Malaysia Tentang Konsep “Makanan Sunnah”

Dewasa ini, penggunaan istilah atau *term* “*makanan sunnah*” begitu hangat dipergunakan. Sedangkan *term* ini tidak wujud dalam al-Qur’an mahupun al-Hadith. Penggunaannya begitu meluas terutama ketika mempromosikan sesuatu produk sama ada produk nutraceutical, produk kesihatan dan sebagainya. Penggunaan *term* tersebut bertitik tolak daripada kandungan (*ingredient*) yang dihasilkan oleh produk-produk tersebut, iaitu bahan yang digunakan ada disebutkan dalam al-Qur’an dan al-Hadith sama ada secara keseluruhan atau sebahagian kecil. Ketiadaan rujukan utama yang dapat menjelaskan istilah tersebut secara tuntas melainkan hanya wujud dan masyhur dari sudut penggunaan istilahnya sahaja. Hasil amatan pengkaji mendapati terdapat empat jenis pandangan merujuk kepada pendefinisian “*makanan sunnah*” secara lebih lanjut iaitu;

[**Pandangan pertama**]: masyarakat Malaysia mendefinisikan “*makanan sunnah*” sebagai semua makanan yang berasal dari al-Qur’an dan al-Hadith. Definisi dari sudut pandangan pertama ini mudah didapati di blog-blog dan laman sesawang.²¹ Selain itu, definisi makanan sunnah sebagai makanan yang berasal daripada al-Qur’an dan al-Hadith turut dikemukakan oleh Ustaz Fauzi Mustaffa dalam bukunya berjudul “Rahsia Makanan Sunnah.”²²

[**Pandangan kedua**]: ahli-ahli akademik menyebutkan bahawa segala makanan yang membawa kebaikan dan *maṣlahah* kepada manusia sama ada yang disebutkan dalam al-Qur’an, al-Hadith atau yang tidak disebutkan dalam keduanya, disebut sebagai “*makanan sunnah*”. Hujah pandangan kedua ini bertitik tolak dari ayat al-Qur’an tersebut:

Terjemahan: “*Hai sekalian manusia, makanlah yang halal lagi baik dari apa yang terdapat di bumi, dan janganlah kamu mengikuti langkah-langkah setan; karena sesungguhnya setan itu adalah musuh yang nyata bagimu.*” [al-Baqarah (2): 168]

Berpandukan dalil tersebut, diharuskan memakan semua jenis makanan asalkan halal, baik, tidak lupa mensyukuri anugerah-Nya, tidak berlebih-lebih dan tidak membazir. Oleh itu, ternyata makanan-makanan yang boleh dikategorikan sebagai halal dan baik ini jauh lebih banyak dan bersifat umum dari apa yang disebutkan dalam *naṣ*. Sedangkan apa yang disebutkan itu hanyalah sebahagian daripadanya iaitu yang terdapat pada masa dan persekitaran hidup Rasullullah SAW.²³ Selain itu, pandangan kedua ini menggunakan hujah pada penakrifan sunnah itu sendiri, iaitu kebiasaan yang baik dan terpuji. Ini memberi maksud apa sahaja makanan yang baik termasuk dalam kategori sunnah.²⁴

al-Tirmidhi, (ed.) Ahmad Muhammad Syakir et.al, (Beirut: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi, 2000), 4: 70.

²¹ Antara laman sesawang yang mengetengahkan takrifan makanan sunnah dari sudut pandangan pertama adalah <http://tokguru.net/>, capaian pada 13 Mei 2015.

²² Fauzi Mustaffa, *Rahsia Makanan Sunnah*, (Selangor: Saffron Integrated Marketing Sdn. Bhd, 2014), 1.

²³ Bagi pandangan kedua ini, boleh dirujuk dalam Norkumala Awang, *et al.*, *Makanan Antara Sunnah & Sains*, (Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia, 2015), 6.

²⁴ ‘Abd al-Ghani ‘Abd al-Khaliq, *Hujjiyat al-Sunnah*, (al-Mansurah: Dar al-Wafa’, 1993), 2: 45-46.

[**Pandangan ketiga**]: Terdapat segelintir anggota masyarakat yang berpendapat “*makanan sunnah*” ialah kurma, delima, madu, kismis dan *habbah al-Sawda*. Secara mudahnya, golongan yang memiliki persepsi berikut wujud akibat keterbatasan maklumat berkaitan makanan sunnah selain hanya memahami definisi makanan sunnah secara ikut-ikutan melalui pengaruh iklan di kaca televisyen dan corong radio.²⁵

[**Pandangan keempat**]: Golongan ini berpendapat “*makanan sunnah*” adalah diperkiran melalui cara pembuatan dan pengamalan yang selari dengan sunnah. Sebagai contoh dalam aspek pembuatan, para pekerja mestilah menutup aurat, berada dalam keadaan berwudhu’ setiap masa, dipasangkan ayat-al-Qur’an sepanjang perjalanan proses dan sebagainya. Dari aspek pengamalan pula, para pengguna mesti mengamalkan *basmalah*, makan menggunakan tangan kanan dan beradab seperti yang dituntut Islam.

Rentetan Senario Penggunaan Istilah “*Makanan Sunnah*” Dalam Kalangan Masyarakat Di Malaysia

Dalam pemerhatian rawak (*random observation*) yang dilakukan dalam tempoh antara pertengahan tahun 2012 - 2014, didapati masyarakat mempunyai pandangan khusus terhadap “*makanan sunnah*”. Pandangan ini berasaskan kepada penggunaan istilah itu dalam muamalah harian mereka dan sambutan masyarakat terhadap produk kesihatan yang berasaskan kepada tema “*makanan sunnah*”. Secara keseluruhan, rentetan penggunaan istilah “*makanan sunnah*” dalam kalangan masyarakat di Malaysia boleh dilihat dari beberapa sudut, iaitu;²⁶

[**Pertama**]: Sesuatu bahan makanan berupa buah-buahan, tumbuhan, sayuran, atau sesuatu jenis makanan yang disebutkan secara jelas di dalam al-Qur’an dan hadith Rasulullah SAW. Ini bermakna jika sesuatu makanan itu disebut dalam kedua-dua sumber tersebut atau salah satu daripadanya, sekalipun tidak pernah diambil atau dijamah oleh Nabi SAW, maka ia adalah merujuk kepada jenis-jenis makanan sunnah yang membawa kepada persepsi dan penggunaan masyarakat terhadap istilah tersebut.

[**Kedua**]: Rentetan itu, ia dikukuhkan lagi dengan kewujudan atau penghasilan produk kesihatan yang menggunakan label “*Produk Makanan Sunnah*” atau “*Produk Berasaskan Makanan Sunnah*”. Ini bermakna bahawa apabila sesuatu produk yang dihasilkan berasaskan kepada satu jenis atau campuran beberapa jenis makanan yang disebutkan di dalam al-Qur’an dan al-Hadith, maka masyarakat memandang bahawa ia adalah suatu bentuk pemakanan sunnah. Masyarakat rata-rata meletakkan kepercayaan penuh tentang kebaikan produk-produk kesihatan tersebut atas dasar ia berasaskan kepada makanan yang disebutkan dalam al-Qur’an dan hadith Nabi SAW.

[**Ketiga**]: Persepsi dan realiti masyarakat dalam penggunaan istilah pemakanan sunnah, turut dapat dilihat dari sudut keterangan yang dikemukakan terhadap beberapa jenis makanan yang ditanyakan kepada responden terpilih secara rawak. Apabila dikemukakan pertanyaan, adakah makanan seperti sup daging yang dihiris halus, labu air, labu, timun, halia, ikan dan pisang merupakan makanan sunnah atau makanan yang jelas disebutkan di dalam al-Qur’an dan hadith? Didapati kebanyakan responden mengatakan ia bukan makanan sunnah, atau ia bukan makanan yang pernah dimakan oleh Nabi. Jadi, dapat difahami bahawa masyarakat masih keliru lagi dalam

²⁵ Bagi pandangan ketiga ini, pengkaji telah melakukan observasi dan temubual terhadap masyarakat secara rawak.

²⁶ Hasil pemerhatian berkala antara tahun 2012-2014.

menetapkan dan memahami pemakanan sunnah yang betul. Pada mereka, penggunaan makanan sunnah lebih kepada makanan yang dipopularkan sebagai makanan sunnah dalam masyarakat seperti madu lebah, kismis, kurma, minyak zaitun, buah tin dan beberapa jenis lagi.

[Keempat]: Faktor pemahaman masyarakat berkait rapat dengan media massa sama ada media cetak atau media elektronik. Hal ini dapat diperhatikan dari sudut promosi dan pengiklanan yang dilakukan dalam media arus perdana tersebut yang lebih menggambarkan makanan sunnah hanya merujuk kepada madu, kurma, kismis, delima, *habbah al-Sawdā'* dan beberapa jenis bahan makanan lagi. Buktinya boleh dirujuk kepada pengiklanan melalui laman sesawang (*website*) atau blog, akhbar dan majalah, papan iklan, handout (*browser*) dan sebagainya lagi. Promosi dan pengiklanan ini sangat mempengaruhi sudut pemahaman masyarakat sehingga banyak produk mendapat sambutan luar biasa masyarakat apabila dilabelkan sebagai makanan sunnah.

Bentuk-Bentuk Salah Faham Dalam Penggunaan Istilah “Makanan Sunnah”

[Pertama] Mengguna pakai *term* “*makanan sunnah*” sebagai pelaris produk.

Lambakan produk-produk kesihatan berasaskan makanan sunnah begitu banyak di pasaran dewasa ini. Antaranya ialah jus tok guru,²⁷ qaseh gold,²⁸ jus pamoga,²⁹ jus nusantara³⁰ dan seumpama. Pertambahan produk-produk ini bertitik tolak daripada sambutan dalam kalangan masyarakat berikutan kandungannya yang diwar-warkan mengandungi campuran “*makanan sunnah*” terpilih.

Melalui iklan-iklan di media arus perdana dan promosi mega dengan label “*makanan sunnah*” pada produk-produk tersebut,³¹ sambutan yang diterima makin bertambah dan menjadi pilihan utama alternatif dalam penjagaan kesihatan. Oleh itu,

²⁷ Produk Jus Tok Guru merupakan produk yang dikeluarkan oleh syarikat Saffron Integrated Marketing Sdn. Bhd. Produk ini berfungsi sebagai awet muda, penambah tenaga (*energy booster*), menghilangkan letih, mengantuk, mencerdaskan minda dan menguatkan ingatan. Kandungan produk ini adalah campuran antara kurma, zaitun, za'faran, kismis, *habbah al-Sawdā'*, madu, buah tin dan buah delima. Rujuk <http://tokguru.net/>, capaian pada 13 Mei 2015.

²⁸ Produk Qaseh Gold merupakan produk yang dikeluarkan oleh syarikat bumiputera Islam, Ana Edar Sdn. Bhd. Syarikat ini ditubuhkan bagi memenuhi permintaan pasaran yang ingin turut serta memartabatkan ekonomi ummah melalui produk jenama ANA yang halal, selamat dan bermutu. Rujuk <http://www.qaseh.com.my/>, capaian pada 13 Mei 2015.

²⁹ Produk Jus Delima Pamoga merupakan produk keluaran Vida Beauty. Kandungannya terdiri daripada air RO, sebatian gamat, *pamogranate*, madu, omega-3, minyak ikan, D-alpha tocopherol (vitamin E), klorela, vitamin 6, vitamin B1 dan beta-karotena. Antara khasiatnya ialah dapat merawat penyakit buasir, kulit melecur, kulit kaki pecah, masalah jantung, ginjal dan lain-lain. Rujuk <http://kedai-lelaki.com/blog/jus-delima-pamoga-asli-vida-beauty-rm150-original/>, capaian pada 13 Mei 2015.

³⁰ Produk Jus Nusantara merupakan produk keluaran Almas Beauty & Health. Digelar sebagai penghulu segala produk dan mempunyai 1001 khasiat yang membantu menyelesaikan pelbagai masalah kesihatan. Kandungannya terdiri daripada *habbah al-Sawdā'*, madu, kurma, delima, temulawak, halia bara, kunyit, bunga cengkih, kulit kayu manis dan lada hitam. Rujuk <http://almas.com.my/jus.html>, capaian pada 13 Mei 2015.

³¹ Ini dapat dilihat apabila pengeluar produk kesihatan “*makanan sunnah*” tertentu menjadi penaja rancangan-rancangan realiti dan filem tumpuan di kaca-kaca televisyen. Syarikat pengeluar minuman kesihatan Pamoga misalnya pernah menjadi penaja utama Anugerah Bintang Popular Berita Harian dan rancangan reality komedi Bintang Mencari Bintang di TV3.

penggunaan *term* “*makanan sunnah*” atau memiliki “*kandungan berasaskan makanan sunnah*” telah menjadi *viral* dalam kalangan jurujual atau usahawan bertujuan untuk melariskan produk jualan terutamanya yang diproses dari “*bahan sunnah*” seperti delima, kurma, kismis, *habbah al-Sawdā*’ dan madu.

Masyarakat Islam Malaysia yang “*mudah luntur*” apabila melibatkan sunnah Nabi SAW dengan mengambil kira *faḍīlat* mengamalkan sunnah serta manfaat kesihatan yang akan diperolehi dari aplikasi makanan tersebut turut mendorong berlakunya lambakan produk-produk *makanan sunnah* di pasaran. Antaranya produk-produk berbentuk nutraseutikal atau produk-produk kesihatan, produk berbentuk *snack* sunnah, minuman sunnah, aiskrim sunnah, ayam sunnah, madu kelulut sunnah, baju sunnah dan sebagainya.

Timbul persoalan, apabila produk-produk ini digelar sebagai produk sunnah, di manakah sunnahnya? Adakah dari sudut kandungannya atau dari sudut penyediaannya? Ini kerana pengkaji mendapati penggunaan *term* “sunnah Nabi SAW” begitu terbuka dan sewenang-wenangnya *dilelong* bertujuan meraih kepercayaan pembeli dan mengaut keuntungan atas nama Nabi Muhammad SAW.

[**Kedua**] Anggapan semuanya baik tanpa mengadakan usul periksa.

Jika dilihat pada panduan halal kelolaan bahagian Halal Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), panduan ini menekankan aspek sumber bahan makanan dan minuman iaitu dengan melihat kepada sumber haiwan sama ada darat mahupun air, sumber tumbuh-tumbuhan, sumber minuman, sumber bahan-bahan sama ada secara semulajadi, kimia atau tambahan. Selain itu, aspek bahan gunaan orang Islam iaitu aspek kosmetik, pakaian dan peralatan turut diteliti.³²

Panduan halal ini telah dijadikan satu bentuk standard yang diberi nama Standard Malaysia MS1500:2009 Makanan Halal: Pengeluaran, Penyediaan, Pengendalian dan Penyimpanan – Garis Panduan Umum. Skop Standard Malaysia ini mengandungi garis panduan yang praktikal untuk industri makanan mengenai penyediaan dan pengendalian makanan halal (termasuk makanan tambahan). Ia bertujuan menyediakan peraturan asas bagi produk makanan serta perdagangan atau perniagaan makanan di Malaysia.³³

Walaupun bagaimanapun, kedua-dua panduan yang diberikan masih belum mampu menyentuh panduan dalam penyediaan dan pengendalian “makanan berasaskan sunnah” atau “makanan sunnah.” Syarat untuk kelulusan produk pada bahagian Farmasi Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hanya melibatkan sesuatu produk itu akan diuji untuk melihat sama ada produk tersebut mengandungi racun atau kadar kandungan dadah di dalamnya, sama ada berisiko kepada pengguna atau tidak sahaja.

Selain itu, produk berbentuk makanan tambahan khususnya “makanan berasaskan sunnah” boleh didapati melalui panduan IMP (*Islamic Manufacturing Practice*). Kebanyakan produk berasaskan sunnah seringkali dilihat mengiklankan produk mereka dengan menyebut IMP. Maklumat yang lengkap tentang IMP agak sukar didapati menerusi laman sesawang (*website*). Walaupun bagaimanapun, terdapat satu

³² <http://www.halal.gov.my/v3/index.php/ms/garis-panduan/makanan-a-minuman>, dicapai pada 10 Julai 2015.

³³ Bahagian Standard Malaysia, Malaysia Standard: Halal Food Production, Preparation, Handling and Storage – General Guidelines (2nd Revision), (Selangor: Jabatan Standard Malaysia, t.t.), 1.

artikel menyebutkan bahawa IMP bertujuan memberikan garis panduan di bawah satu sistem yang sesuai untuk mengurus bahagian pematuhan syariah. Di bawah IMP, perlu untuk memastikan semua barangan perkilangan memenuhi keperluan kualiti, keberkesanan dan kesucian produk berasaskan *halālan tayyibā*.³⁴ Antara perkara penting dalam panduan IMP ini ialah ia menekankan berkaitan bahan mentah (*raw material*). Bahan mentah mestilah suci, selamat, bersih dan bukan daripada perkara yang haram.³⁵ Selain itu, perkara penting dalam panduan IMP turut menekankan pengurusan kualiti dan kakitangan, dokumentasi, kawalan kualiti, pengangkutan dan penghantaran.³⁶

Namun begitu, penelitian pengkaji mendapati panduan berkaitan makanan berasaskan sunnah dari sudut kandungan (*food ingredient*) masih belum didapati dalam panduan IMP. Ini memperlihatkan selain panduan Standard Malaysia dan bahagian Farmasi Kementerian Kesihatan Malaysia, panduan IMP masih belum menyediakan garis panduan lengkap berkaitan tatacara atau penghasilan produk-produk kesihatan berasaskan makanan sunnah menurut perspektif *fiqh al-Ḥadīth* dan sains nutrisi.

Ini membuktikan tiada penelitian lebih lanjut dijalankan tentang kandungan produk “makanan sunnah” dalam pasaran. Boleh jadi produk makanan sunnah tertentu tidak sesuai dan memudharatkan bagi segelintir individu yang mengamalkannya mengikut keadaan kesihatannya. Misalnya produk “makanan sunnah” berasaskan makanan manis seperti kismis dan kurma tidak sesuai diamalkan oleh mereka yang menghidap darah tinggi dan kencing manis kerana mengandungi kandungan gula yang tinggi. Justeru, kajian terperinci perlu dilakukan terhadap penghasilan, pengendalian dan keberkesanan (*efficacy*), keselamatan (*safety*) dan kawalan kualiti (*quality control*) produk-produk kesihatan berasaskan “makanan sunnah”.

[Ketiga] Mencampur adukkan bahan-bahan berasaskan *naṣ* menjadi produk baru

Rasūllullāh SAW pernah melarang mencampurkan sekali kismis dan kurma, serta mencampurkan *busr* (sejenis kurma) dan rutab (*kurma segar*) terutamanya dalam bentuk minuman (*liquid drink*) atau *nabẓ*.³⁷

³⁴ Ricca Rahman Nasaruddin *et al.*, The Importance of a Standardized Islamic Manufacturing (IMP) for Food and Pharmaceutical Production dalam 2nd International Conference on Professional Ethics and Education in Engineering 2011 (ICEPEE '11), (Kuala Lumpur: t.p, 2011), 403.

³⁵ Sumber tidak halal atau haram bermaksud minuman alcohol dan dadah yang memabukkan, babi, daging yang tidak disembelih mengikut praktik Islam dan segala produk yang termasuk dalam kriteria tersebut. Rujuk Ricca Rahman Nasaruddin *et al.*, The Importance of a Standardized Islamic Manufacturing (IMP) for Food and Pharmaceutical Production dalam 2nd International Conference on Professional Ethics and Education in Engineering 2011 (ICEPEE '11), (Kuala Lumpur: t.p, 2011), 406-407.

³⁶ Ricca Rahman Nasaruddin *et al.*, The Importance of a Standardized Islamic Manufacturing (IMP) for Food and Pharmaceutical Production dalam 2nd International Conference on Professional Ethics and Education in Engineering 2011 (ICEPEE '11), (Kuala Lumpur: t.p, 2011), 406-407.

³⁷ Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Ismā‘īl al-Bukhārī al-Ja‘fī selepas ini al-Bukhārī, *al-Jami‘ al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar min Umur Rasulullah SAW wa Sunaninih wa Ayyamih (Ṣaḥīḥ al-Bukhārī)*, ditahqiqkan oleh Muhammad Zahir bin Nasir al-Nasir, j.18, (Mansurah, Mesir: Dar Tuq al-Najah, 1422H).

Bagi Imām Nawawī, larangan mencampurkan antara dua kurma dan kismis dinilai sebagai *makruh tanzih* dan boleh diminum selagi tidak memabukkan. Namun, bagi Imām Maliki, larangan tersebut dinilai sebagai *ḥarām*.³⁸

Signifikannya, kurma dan kismis mengandungi kandungan gula, karbohidrat dan antioksidan yang tinggi dan berbahaya kepada tubuh jika diambil secara bersama dalam bentuk minuman campuran. Menurut Ibn Ḥajar dan Ibn Baṭṭāl, larangan ini bukan disebabkan sifatnya yang memabukkan (*intoxication*), akan tetapi larangan ini dinyatakan secara umum terhadap perbuatan mencampurkan antara dua buah tersebut. Tambahan, Ibn Munīr turut menyatakan percampuran tersebut akan mempercepatkan penghasilan alkohol dan menyebabkan pembaziran nutrisi.³⁹

Kenyataan ini turut disokong fakta penyelidikan terkini oleh Sumaiyah M. Tarmizi (2014), beliau menyebutkan bahawa kismis dan kurma mengandungi kandungan karbohidrat yang tinggi, maka proses penapaian alkohol boleh berlaku secara semulajadi dalam masa tiga-empat minggu.⁴⁰ Malahan, kandungan nutrisi dalam kismis dan kurma adalah hampir sama. Manusia boleh memilih untuk memakan salah satu daripadanya untuk mendapat khasiat serupa. Dengan mencampurkan kedua bahan tersebut, manusia akan mengambil kandungan gula, antioksidan dan karbohidrat berlebihan. Ini berbahaya bagi pesakit kanser, diabetes dan boleh mengundang penyakit lain seperti masalah kardiovaskular, ulser, appendik, obesiti dan diabetes.⁴¹

Lantas, dengan berlakunya proses percampuran (*mixing process*) tersebut, ini telah melanggar nasihat Nabi SAW dan pastinya merosakkan elemen bahan sunnah dalam sesuatu produk. Produk-produk yang mencampurkan hampir kesemua jenis makanan dan bahan-bahan berasaskan *naṣ* (misalnya produk campuran anggur, madu, delima) yang terdapat kini pastinya lebih berbahaya tanpa sedar jika tidak diteliti melalui penyelidikan terperinci.

³⁸ Sumaiyah Mohd Tarmizi, Ishak Suliaman, Halijah Ibrahim, The Prophetic Tradition and Nutrition: Issues of Mixing Raisins and Dates, Online Journal of Research on Islamic Studies, 2014, 1 (2), pp. 78-88.

³⁹ Sumaiyah Mohd Tarmizi, Ishak Suliaman, Halijah Ibrahim, The Prophetic Tradition and Nutrition: Issues of Mixing Raisins and Dates, Online Journal of Research on Islamic Studies, 2014, 1 (2), pp. 78-88.

⁴⁰ Sumaiyah Mohd Tarmizi, Ishak Suliaman, Halijah Ibrahim, The Prophetic Tradition and Nutrition: Issues of Mixing Raisins and Dates, Online Journal of Research on Islamic Studies, 2014, 1 (2), pp. 78-88.

⁴¹ Sumaiyah Mohd Tarmizi, Ishak Suliaman, Halijah Ibrahim, The Prophetic Tradition and Nutrition: Issues of Mixing Raisins and Dates, Online Journal of Research on Islamic Studies, 2014, 1 (2), pp. 78-88.

Apakah Konsep Sebenar Bagi Istilah “*Makanan Sunnah*”?

Sebenarnya tidak satu pun istilah khusus yang dapat mewakili “*makanan sunnah*” melainkan penyebutan istilah yang merujuk kepada makanan dan jenis-jenisnya yang didapati daripada nas al-Qur’an dan al-Hadith seperti yang dikenali di Malaysia. Bahkan, apabila dirujuk kepada istilah bahasa ‘Arab, tidak ada perkataan khusus yang dapat menggambarkan istilah pemakanan sunnah tersebut.

Berhubung pemahaman paling tepat berhubung konsep “*makanan sunnah*” di Malaysia, ia terdiri daripada dua, iaitu;

[**Pertama**]: masyarakat Malaysia secara umumnya mendefinisikan “*makanan sunnah*” sebagai semua makanan yang berasal dari al-Qur’an dan al-Hadith.

[**Kedua**]: kalangan cendekiawan bijak pandai menyebutkan segala makanan yang membawa kebaikan dan *maṣlahah* kepada manusia sama ada yang disebutkan dalam al-Qur’an, al-Hadith atau yang tidak disebutkan dalam keduanya, disebut sebagai “*makanan sunnah*”.

Kedua-dua istilah adalah bertepatan dan sesuai sebagai definisi makanan sunnah. Namun demikian, istilah “*makanan sunnah*” paling tepat pada pandangan pengkaji lebih kepada istilah yang disebutkan oleh masyarakat setempat bagi membezakan antara makanan setempat dengan makanan yang dijelaskan atau disebutkan dalam al-Qur’an dan al-Hadith.

Term “*makanan sunnah*” semestinya memiliki *faḍīlāt* dan *khuṣūṣiyyah* tersendiri. Ia merujuk makanan terbaik, makanan yang memenuhi kriteria penjagaan kesihatan tubuh badan, makanan yang bersifat wahyu (berasaskan kepada nas al-Qur’an dan hadith) dan makanan yang pernah diambil (*consumed*) oleh Nabi SAW.

Pengistilahan “*makanan sunnah*” juga didapati cenderung kepada menepati konsep *Ittibā’ al-Rasūl* melalui apa yang dibawa oleh baginda SAW melalui dua panduan, al-Qur’an dan al-Hadith. Sekalipun baginda SAW tidak memakan atau mengambil makanan tertentu, hal itu turut termasuk dalam pembahagian sunnah iaitu merangkumi aspek ucapan, tindakan dan *taqrīr* (pengakuan baginda SAW). Oleh itu, setiap yang diajarkan Nabi SAW perlu diyakini memiliki kelebihan dan manfaat besar kepada umat manusia. Ini dibuktikan dengan firman Allāh SWT;

Terjemahan: “*Dan tidaklah mengucapkannya (Muḥammad SAW) menurut hawa nafsunya. Melainkan wahyu yang diwahyukan (Kami kepadanya).*” (al-Najm (53): 3-4)

Selain itu, label “*makanan sunnah*” itu mestilah memenuhi prinsip utama iaitu halal dan baik (*halālan ṭayyibā*) bermula dari aspek penyediaan bahan mentah (*raw material*), pemprosesan bahan sehinggalah menjadi suatu produk. Secara umumnya, prinsip ini ditujukan kepada seluruh umat manusia tanpa mengira bangsa, agama, keturunan dan batasan geografi. Secara khususnya, prinsip tersebut ditujukan kepada seluruh umat Islam. Ini penting bagi memelihara lima *maqāṣid syarīah*, iaitu; pemeliharaan agama, jiwa, akal, keturunan dan harta.⁴²

Pengambilan makanan halal dan baik bukan sahaja dapat memenuhi keperluan tubuh badan seseorang, tetapi hendaklah memastikan makanan tersebut bebas dari bakteria, kuman dan parasit, tidak membahayakan kesihatan, tidak beracun serta

⁴² Jasser Auda, Memahami Maqasid Syariah, (terj.) Marwan Bukhari A. Hamid, (Selangor: PTS Islamika Sdn. Bhd, 2014), ix.

menjauhi campuraduk antara kandungan dalam produk sehingga boleh merosakkan nutrisi makanan dan memudharatkan kesihatan.⁴³

Kriteria Penilaian Lebih Lanjut Dalam Penetapan Istilah “Makanan Sunnah”

Berdasarkan kepada penjelasan sebelum ini, memang wajar ditentukan secara jelas kriteria yang tepat bagi pengukuhan terhadap istilah pemakanan sunnah. Tujuannya supaya istilah tersebut dapat diberikan pentakrifan yang jelas dan meluas dengan mengambil kira segala aspek berkaitan. Pada masa yang sama mengelak dari berlakunya salah faham dalam kalangan masyarakat yang melihat hanya makanan tertentu sahaja dapat dikaitkan dengan sunnah, menafikan makanan setempat serta yang paling berat apabila makanan setempat ditinggalkan atas dasar tidak sunnah. Atau dengan kata lain, makanan itu Nabi SAW tidak makan, maka, tidak boleh makan atau tidak perlu untuk makan makanan itu.

Oleh yang demikian, dalam menggarap dan mengukuhkan pengistilahan makanan sunnah, beberapa kriteria penting yang perlu diberikan keutamaan supaya dapat difahami sebaiknya pengistilahan tersebut agar dapat digunakan secara meluas dalam masyarakat. Pada masa yang sama, dapat menghapuskan kekeliruan dan salah faham masyarakat yang dimomokkan dengan pelbagai andaian terhadap makanan sunnah sehingga ada yang menjadikannya “pelaris” bagi barangan jualan. Kriteria yang perlu diberikan pertimbangan yang sewajarnya adalah;



Rajah 1: Kriteria Penilaian Dalam Penetapan Istilah “Pemakanan Sunnah”

Pertama: Penilaian Terhadap Pemahaman Nas (al-Qur’an dan al-Hadith)

Penting dalam meletakkan sesuatu ketetapan berasaskan kepada sunnah Nabi SAW, sewajarnya dipastikan bahawa apa yang disandarkan tersebut mempunyai hujah yang

⁴³ Dr. Saadan Man, Zainal Abidin Yahya, Halalkah Makanan Kita? Bagaimana Mencarinya di Pasaran, (Selangor: PTS Islamika Sdn. Bhd, 2014), 204.

kuat dan jelas sebelum memberikan kata putus. Walaupun demikian, dalam keadaan tertentu tidak semestinya sesuatu ketetapan hukum itu diputuskan berasaskan kepada nas yang jelas, tetapi ditentukan berasaskan kepada nas umum atau bergantung kepada penggunaan *ijma*’, *qias* atau *ijtihad*.⁴⁴ Perkara ini boleh dirujuk daripada hadith Mu`āz bin Jabal, duta Rasulullah SAW ke Yaman. Apabila ditanya cara pelaksanaan dan penetapan hukum oleh Rasulullah SAW, beliau mendahulukan rujukan kepada al-Qur’an diikuti dengan al-Sunnah jika tidak terdapat dalam al-Qur’an. Namun, jika tiada dalam kedua-dua sumber itu, maka beliau menggunakan pendekatan *ijtihad*. Perkara ini lantas diperakukan oleh Rasulullah SAW.⁴⁵

Kedua: Membezakan antara *Sunnah Tasyri`iyyah* dan *Ghair al-Tasyri`iyyah*

Penting untuk memastikan pengistilahan yang dikemukakan dalam usaha mengaitkan makanan dengan sunnah Nabi SAW, penekanan terhadap aspek sunnah itu sebagai *Sunnah Tasyri`iyyah* dan *Sunnah Ghair al-Tasyri`iyyah*.

Apabila penekanan diberikan dalam aspek ini, bakal membolehkan perletakkan atau pengkategorian terhadap sesuatu makanan sebagai salah satu daripada amalan sunnah Nabi SAW. Salah satu bentuk ajaran Nabi SAW adalah memberi tunjuk ajar tentang soal pemakanan. Sekalipun terdapat beberapa faktor berkait ‘*uruf*’ setempat, iklim dan bentuk muka bumi yang mempengaruhi jenis dan bentuk makanan, tetapi hal tersebut tidak memberi kesan terhadap tempat dan iklim berbeza. Ini kerana, penilaian yang diberikan penumpuan adalah terhadap sikap dan adab dalam pemakanan yang boleh diaplikasikan dalam semua keadaan. Buktinya boleh dirujuk terhadap perbincangan dalam karya-karya hadith berkaitan dengan tajuk makanan (*Kitāb al-Aḥimāh*).

Atas dasar kemuliaan dan kelebihan Nabi SAW, yang menjadi contoh ikutan seluruh alam, apa yang diambil dan dimakan oleh baginda itu mempunyai kelebihan dan manfaat tersendiri. Apatah lagi jika makanan tersebut disebutkan di dalam al-Qur’an. Kenyataan ini bertepatan dengan pemahaman bahawa Rasulullah SAW adalah contoh ikutan terbaik.⁴⁶

Ketiga: Penilaian Terhadap Pemakaian Dalam ‘*Uruf*’ dan Adat Masyarakat

Perkara penting untuk dipastikan dalam penentuan sesuatu perkara adalah melihat kepada ‘*uruf*’ dalam masyarakat setempat. Ini bermaksud ada perkara atau tindakan yang dilakukan bersesuaian dengan keadaan kehidupannya dari sudut asal usul sesuatu bangsa atau kaum, iklim setempat, keadaan muka bumi dan budaya setempat. Ibn Khaldun dalam kitabnya *al-Muqaddimah* menyatakan perbezaan sikap manusia berhubungan dengan perbezaan iklim dan alam sekitar. Perbezaan ini melahirkan

⁴⁴ Haji Ismail Omar, *Kehujahan Siyasah Syar`iyyah Dan Asas-Asas Usuliyyah Dalam Pembinaan Hukumnya*, (Prosiding Muzakarah Fiqh & International Fiqh Conference 2014, Concore in Sepang, Selangor: Pusat Pembangunan Penyelidikan (PPP) dan Jabatan Syariah, Akademi Islam, KUIS, 3-4 Disember 2014), 4.

⁴⁵ Abu Dawud Sulayman bin al-Asy‘at al-Sajastani al-Azdi, *Sunan Abi Dawud*, (ed.) Muhammad Muhy al-Din Abd al-Hamid, (Beirut: Dar al-Kitab al-‘Arabi, 2000), No. 3592, 3: 303.

⁴⁶ Surah al-Aḥzāb (33): 21.

amalan dan kelakuan yang berlainan dan seterusnya membentuk corak dan gaya hidup berbeza.⁴⁷

Manakala Ahmad Fahmi Abu Sunnah (2004) menyebutkan antara syarat-syarat yang diletakkan bagi membolehkan penggunaan ‘*uruf*’ dan adat dalam penetapan sesuatu hukum adalah;

- [i] ‘*Uruf*’ itu tidak berlawanan dengan *nas syara*’, sebaliknya jika ia berlawanan dengan *nas*, maka ‘*uruf*’ tersebut tidak boleh diambil kira dan diamalkan seperti transaksi berunsur riba, pendedahan aurat dan sebagainya;
- [ii] ‘*Uruf*’ itu telah diamalkan secara menyeluruh dan meluas oleh masyarakat. Kalaupun ada yang tidak mengamalkannya hanya dalam jumlah yang minimum;
- [iii] ‘*Uruf*’ atau adat yang akan dirujuk dalam sesuatu tindakan itu sudah wujud ketika hendak dilakukan tindakan itu. Ertinya, ‘*uruf*’ itu telah mendahului waktu tindakan dan berterusan sehingga masa berlakunya tindakan itu;
- [iv] Tidak wujud sesuatu perkataan atau perbuatan yang berterus terang menyalahi ‘*uruf*’. Maka tidak harus berpegang kepada ‘*uruf*’ sekiranya terdapat perkataan dan perbuatan yang mengenenpikan penggunaan ‘*uruf*’ dan adat;
- [v] Pengamalan ‘*uruf*’ tersebut mestilah umum merangkumi seluruh negara. Yang zahir pada kaitan ini hanya khusus kepada ‘*uruf*’ yang membatasi yang umum dan mengikatkan yang mutlak; dan
- [vi] ‘*Uruf*’ itu hendaklah dimestikan (*mulzaman*) di mana wajib beramal dengannya pada pandangan manusia. Syarat ini terdapat dalam *fiqh Maliki* dan *Hanafi*.⁴⁸

Oleh demikian, jika dirujuk pemahaman terhadap istilah “makanan sunnah”, maka sudah tentu penilaian terhadap aspek ‘*uruf*’ dan adat setempat perlu dititik beratkan memandangkan Allah SWT menjadikan pelbagai jenis makanan bersumberkan tumbuhan dan haiwan. Ia menjadikan apa yang dibawa dan dimakan oleh Nabi SAW itu turut dapat dikaitkan dengan keadaan iklim dan budaya tempatan masyarakat Arab. Dalam memahami hal ini, boleh dikatakan bahawa sebahagian makanan itu bersifat asas atau makanan asasi utama kepada sesuatu bangsa atau kaum, tetapi tidak kepada bangsa atau kaum yang lain. Di Malaysia contohnya, makanan asasi adalah berasaskan kepada beras, tidak kepada gandum, barli, kurma, anggur dan sebagainya. Dengan kata lain, perkara ini membuktikan bahawa aspek makanan asasi sesuatu bangsa dan kaum setempat juga perlu diambil kira dalam menetapkan sesuatu hukum. Oleh demikian, tidak semua jenis makanan yang dimakan atau diambil oleh Nabi SAW atas dasar baginda seperti manusia biasa lain.

Keempat: Penilaian Dari Sudut Tekstual dan Kontekstual

Penilaian dalam memutuskan sesuatu keputusan amat perlu untuk melihat dari sudut pemahaman teks dan konteks sesuatu nas. Penekanan ini penting bagi mengeluarkan kefahaman yang tepat dan jitu terhadap keputusan yang diputuskan itu. Kesan

⁴⁷ ‘Abd al-Rahman b. Khaldun (t.t.), *Muqaddimah Ibn Khaldun*. (Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, t.t), 68; Raymond Firth, *Human Types*, (terj.) B. Mochtan & S. Puspanegara, *Ciri-ciri dan Alam Hidup Manusia: Suatu Pengantar Antropologi Budaya*. (c.5), (Bandung: Penerbitan Sumur, 1996), 42; Zakariya’ b. Muhammad b. Mahmud al-Qazwayni, *Athar al-Bilad wa Akhbar al-‘Ibad*. (Beirut: Dar al-Sadir, 1960), 9-10; Sidi Gazalba, *Pengantar Kebudayaan Sebagai Ilmu*. (Bandung: PT. al-Ma‘ārif, 1967), 8.

⁴⁸ Ahmad Fahmi Abu Sunnah, *al-‘Uruf wa al-Adah fi Rayi al-Fuqaha*. (Kaherah: Dar al-Basa’ir, 2004), 105-103.

pemahaman terhadap kehendak teks dengan tepat dapat memberi input yang tepat sesuai dengan pemahaman yang dikehendaki oleh nas.

Dr. Yusūf al-Qaradāwī ada menyatakan antara kaedah yang tepat dalam memahami *al-Sunnah* adalah dengan membezakan antara hakikat dengan *majāz*.⁴⁹ dan membezakan di antara wasilah yang dapat berubah dengan tujuan yang tetap bagi sesuatu hadith⁵⁰ serta memahami *maqasid* atau tujuan hadith.⁵¹ Maknanya di sini, dalam menetapkan pengistilahan makanan sunnah, perlu dilihat kepada nas adakah nas yang dikemukakan itu berkehendakkan kepada pemahaman terus kepada teks atau maksud di sebalik dan tujuan bagi hadith.

Dengan mengambil kira aspek ini, dapat dikemukakan konsep makanan sunnah sebenar dengan meraikan bahan makanan setempat atau bahan makanan sesuatu bangsa sekalipun tidak disebutkan dalam nas. Sedangkan, diyakini bahawa setiap tempat dan negara memiliki tumbuhan dan haiwan berlainan jenis yang berguna mendatangkan manfaat kepada manusia.

Kelima: Penilaian Terhadap Peribadi dan Sikap Individu Dalam Pengambilan Makanan

Penilaian terhadap aspek ini adalah sebagai satu tambahan dalam menentukan sesuatu ketepatan atau hukum. Hal ini kerana dalam pengambilan sesuatu makanan, akan ada kecenderungan tersendiri bagi setiap individu. Ada yang suka makan nasi dan ada pula yang tidak meminati nasi, tetapi cenderung untuk makan daripada jenis *mee*, roti, gandum dan sebagainya.

Oleh demikian, dalam pengukuhan terhadap aspek makanan sunnah, perlu untuk ditentukan aspek kecenderungan dan minat seseorang terhadap makanan. Hatta, Rasulullah SAW turut menggemari sesuatu jenis makanan dan ada yang tidak disukai baginda SAW sekalipun ia bukan daripada jenis makanan yang diharamkan. Bahkan, kecenderungan sesuatu bangsa dan kaum turut mempengaruhi sehingga ada dari kalangan kaum menjadikan sesuatu jenis tumbuhan atau haiwan itu sebagai makanan, tetapi tidak bagi kaum yang lain.

Kesimpulan

Merujuk kepada keseluruhan perbincangan, pengistilahan terhadap pemakanan sunnah atau makanan sunnah dari sudut realiti pengamalannya adalah bergantung sepenuhnya terhadap pemahaman dan pengamalan masyarakat. Walaupun demikian, pemahaman tersebut adalah terhad dan tidak secara menyeluruh sehingga sebahagian makanan yang dimakan dan disebutkan oleh Rasulullah SAW tidak dikatakan sebagai makanan sunnah atas dasar tidak pernah mendengar atau mengetahui Nabi SAW memakannya.

Melalui penelitian terhadap nas al-Qur'an dan hadith, jelas menunjukkan bahawa tidak ada satu istilah khusus yang merujuk kepada makanan sunnah atau pemakanan sunnah. Namun, apa yang lebih utama adalah Nabi SAW melalui petunjuk al-Qur'an dan al-Hadith itu sendiri telah menerangkan secara jelas dan terperinci dalam aspek penjagaan dan pemeliharaan makanan, konsep makanan yang sebenar,

⁴⁹ Yusuf al-Qaradawi, *Bagaimana Berinteraksi Dengan al-Sunnah*, (terj.) Huda Mohsin & Jawiah Dakir, (Petaling Jaya: Angkatan Belia Islam Malaysia, c.2, 1996), 199.

⁵⁰ Yusuf al-Qaradawi, *Bagaimana Berinteraksi Dengan al-Sunnah*, (terj.) Huda Mohsin & Jawiah Dakir, (Petaling Jaya: Angkatan Belia Islam Malaysia, c.2, 1996), 175.

⁵¹ Yusuf al-Qaradawi, *Bagaimana Berinteraksi Dengan al-Sunnah*, (terj.) Huda Mohsin & Jawiah Dakir, (Petaling Jaya: Angkatan Belia Islam Malaysia, c.2, 1996), 156.

menyebutkan tentang jenis-jenis makan, cara makan dan minum dan sebagainya lagi sehingga tidak perlu lagi istilah makanan itu dikaitkan dengan sunnah. Sebaliknya segala apa yang berkait dengan makanan dan amalan pemakanan perlu untuk mengikut tatacara dan tunjuk ajar Nabi SAW. Dalam pada itu, jenis-jenis makanan yang disebutkan dalam al-Qur'an dan al-Hadith itu jelas mempunyai manfaat dan kelebihan kepada manusia tanpa menafikan bahawa bahan-bahan makanan daripada tumbuhan atau haiwan yang lainnya turut mempunyai khasiat dan manfaat.

Dengan menetapkan beberapa kriteria penting sebelum penggunaan istilah pemakanan sunnah atau makanan sunnah, dicadangkan penekanan terhadap lima aspek yang utama iaitu penekanan penilaian terhadap pemahaman nas al-Qur'an dan hadith dengan tepat dan betul, penilaian terhadap aspek perbezaan antara sunnah *tasyri`iyyah* dan *ghair tashri`iyyah*, penilaian dari aspek 'uruf dan adat setempat, penilaian dari aspek tekstual dan kontekstual hadith dan penilaian dari aspek peribadi dan sikap individu dalam pengambilan makanan. Melalui penetapan kriteria ini, dapat membantu kefahaman semua pihak tentang istilah pemakanan sunnah yang sebenar dan dapat dimantapkan sebagai salah satu bidang penyelidikan. Satu panduan khusus terhadap penggunaan istilah ini dalam kalangan masyarakat perlu diwujudkan bertujuan cegahan supaya istilah ini tidak "*dilelong*" bagi tujuan komersial atas nama Rasullullah SAW.

Penghargaan: Artikel ini adalah salah satu daripada hasil penyelidikan dalam Skim Geran Penyelidikan Trans-Displin (TRGS) bernombor TR001A-2014A dengan tajuk "*Safe And Health Uses Of Fruits And Herbs Mentioned In Al-Qur'an And Ahadith: An Analysis Of Ethnomedicinal Importance In Islamic Products In Malaysia.*"

BIBLIOGRAFI

1. 'Abd al-Rahman b. Khaldun (t.t.), *Muqaddimah Ibn Khaldun*. (Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, t.t).
2. Abū 'Abd Allāh Muḥammad bin 'Umar bin al-Ḥasan al-Rāzī dikenali dengan nama Fakhr al-Dīn al-Rāzī, *Mafātīḥ al-Ghaib*, (Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth, 1420H).
3. Abū 'Abd Allāh Muḥammad bin Ismā'īl al-Bukhārī al-Ja'fī selepas ini al-Bukhārī, *al-Jami' al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar min Umur Rasulullah SAW wa Sunaninih wa Ayyamih (Ṣaḥīḥ al-Bukhārī)*, ditahqiqkan oleh Muhammad Zahir bin Nasir al-Nasir, j.18, (Mansurah, Mesir: Dar Tuq al-Najah, 1422H).
4. Ahmad Fahmi Abu Sunnah, *al-'Uruf wa al-Adah fi Rayi al-Fuqaha*. (Kaherah: Dar al-Basa'ir, 2004).
5. Al-Baghawi, Abu Muhammad al-Husayn bin Mas`ud bin Muhammad bin al-Farra', *Ma'alim al-Tanzil fi Tafsir al-Qur'an (Tafsir al-Baghawi)*, (ed.) 'Abd al-Razzaq al-Mahdi, (Beirut: Dar Ihya' al-Turath, 1420H).
6. Al-Kafawi, Abu al-Baqā' Ayyub bin Musa al-Husyni, *al-Kuliyat* (ed.) 'Adnan Darwish et.al, (Beirut: Mu'assasah al-Risalah, 1993).
7. Al-Tawim, Khalid Muhammad Yusuf, *al-Tab`iyyah al-Fikriyyah fi Majal al-Tarbiyyah wa 'Ilajuha min Manzur al-Islami*, (Tesis PhD, Aliyah al-Tarbiyyah, Jami`ah Ummu al-Qura, Makkah al-Mukarramah, 1997).

8. Azyumardi Azra, *Renaissance Islam Asia Tenggara: Sejarah Wacana dan Kekuasaan*. c. 2, (Bandung: PT Remaja Rosda Karya, 1999).
9. Dimiyati, Abu Bakr Shata al-*I'ānah al-Talibin 'ala Sharh Fath al-Mu'in* (Beirut: Dar al-Fikr, 1993), j.ii.
10. Haji Ismail Omar, *Kehujahan Siyasa Syar'iyah Dan Asas-Asas Usuliyah Dalam Pembinaan Hukumnya*, (Prosiding Muzakarah Fiqh & International Fiqh Conference 2014, Concore in Sepang, Selangor: Pusat Pembangunan Penyelidikan (PPP) dan Jabatan Syariah, Akademi Islam, KUIS, 3-4 Disember 2014).
11. Hamdan Yusra, *al-Taqlid wa Ahkamuh fi Tashri'ah al-Islamiyyah*, (Disertasi Sarjana (MA), Kuliyyah al-Shari'ah, Jami'ah al-Najjah al-Wataniyyah, Nabilus, 1994).
12. Haythami, Ahmad bin Muhammad bin 'Ali bin Hajar al-, *Fatawa al-Hadithiyyah*, (Beirut: Dar al-Fikr, 2000).
13. Ibn 'Abd al-Barr, Abu 'Umar Yusuf bin Abdullah al-Namri, *Jami' Bayan al-'Ilm wa Fadlih*, (ed.) Abu 'Abd al-Rahman Fawwaz Ahmad Zamrali, (Beirut: Dar Ibn Hazm, 2003).
14. Ibn Kathir, Abu al-Fida' Isma'il bin 'Umar bin Kathir al-Dimashqi, *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*, (ed.) Sami bin Muhammad Salamah, (Beirut: Dar Tayyibah li al-Nshr wa al-Tawzi', 1999).
15. Ibn Qayyim al-Jawziyyah, 'Ilam al-Muwaqqi'in an Rab bal-'Alamin, (ed.) Muhammad 'Abd al-Salam, (Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1991).
16. Mohammad Aizat Bin Jamaludin & Mohd Anuar Ramli, 'Uruf Majmuk: Konsep Dan Amalannya Dalam Masyarakat Majmuk Di Malaysia, dlm. *Jurnal Fiqh*, No. 8 (Kuala Lumpur: Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, UM, 2011) 45-64.
17. Muhammad bin 'Isā Abū 'Isā al-Tirmidhī al-Sulamī, *al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ Sunan al-Tirmidhī*, ditahqiqkan oleh Ahmad Muḥammad Syākir *et.al.*, (Miṣr: Sharikah Maktabah wa Maṭba'ah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī, 1975).
18. Muhammad Jalal al-Din al-Suyuti (1994), *al-Radd 'Ala Man Akhlada ila al-Ard wa Jahila Ann al-Ijtihad fi Kulli 'Asr Fard*, (Beirut: Al-Jaza'ir, 1994).
19. Nasrin Ibrahim Muhammad Diyab, *Mudamin Tarbawiyah li Maḥmud al-Ittiba' Amma Wurida fi al-Qur'an al-Karim wa Sunnah al-Nabawiyah*, (Tesis Sarjana (Master), Jabatan Usul al-Tarbiyyah, Kuliah al-Tarbiyyah, Universiti Islamiyyah Ghazzah, 2010).
20. Noor Haslina Osman, *Adat Melayu Sebagai Sumber Hukum: Penilaian Dari Perspektif Teori Al-'Urf Wa Al-'Adah*, (Disertasi Sarjana, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2004).
21. Norkumala Awang, *Memecah Dimensi "Makanan Sunnah" Dan Realiti Hari Ini*, (Artikel diterbitkan dalam laman sesawang Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), pada 18 November 2013).
22. Raymond Firth, *Human Types*, (terj.) B. Mochtan & S. Puspanegara, *Ciri-ciri dan Alam Hidup Manusia: Suatu Pengantar Antropologi Budaya*. (c.5), (Bandung: Penerbitan Sumur, 1996).

23. Sidi Gazalba, *Pengantar Kebudayaan Sebagai Ilmu*. (Bandung: PT. al-Ma'arif, 1967).
24. Sumaiyah Mohd Tarmizi, Ishak Suliaman, Halijah Ibrahim, The Prophetic Tradition and Nutrition: Issues of Mixing Raisins and Dates, *Online Journal of Research on Islamic Studies*, 2014, 1 (2), pp. 78-88.
25. Yusuf al-Qaradawi, *Bagaimana Berinteraksi Dengan al-Sunnah*, (terj.) Huda Mohsin & Jawiah Dakir, (Petaling Jaya: Angkatan Belia Islam Malaysia, c.2, 1996).
26. Zulkifli Mohd. Yusoff, *Kamus al-Qur'an* (Kuala Lumpur: PTS Islamika, 2009).

BUKU:
SALAH FAHAM TERHADAP SUNNAH: ISU DAN PENYELESAIAN
Cetakan 1: 2015
ISBN: 978-967-5534-44-7

